

19 AUG 1996
Nik Aziz-S46
S46 TIADA PILIHAN, KATA NIK AZIZ

KOTA BAHARU, 19 Ogos (Bernama) -- Menteri Besar Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat hari ini berkata pucuk pimpinan Parti Melayu Semangat 46 (S46) tidak mempunyai pilihan selain daripada membubarkan parti itu untuk membolehkan anggotanya menyertai semula UMNO.

Beliau berkata tarikh 6 Okt, tarikh pembubaran S46 seperti yang diumumkan oleh Presidennya Tengku Razaleigh Hamzah semalam, boleh diibaratkan sebagai tarikh parti itu menghadapi hukuman gantung.

"Ceramah umum yang dikatakan akan dianjurkan oleh S46 dan UMNO Kelantan tidak lama lagi juga seolah-olah mempertontonkan majlis tahlil pengebumian S46 kepada penyokong S46 dan rakyat negeri ini," katanya di sini.

Beliau mengulas pengumuman Tengku Razaleigh semalam bahawa S46 akan dibubarkan pada 6 Okt pada perhimpunan agung khas parti itu untuk membolehkan anggotanya menyertai semula UMNO.

Tengku Razaleigh juga berkata Presiden UMNO Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah bersetuju untuk menghadiri majlis ceramah umum anjuran S46 dan UMNO Kelantan pada awal Oktober bagi memaklumkan kepada penduduk Kelantan mengenai usaha penyatuan Melayu.

Nik Aziz yang juga Murshid Am PAS berkata Tengku Razaleigh tidak seharusnya bersikap angkuh dengan melahirkan keyakinan dapat merampas semula Kelantan daripada PAS dengan adanya kerjasama UMNO nanti.

Katanya hak menentukan kerajaan dan pentadbiran negeri terletak di tangan rakyat Kelantan dan pemimpin S46 tidak seharusnya terlalu yakin dapat menumbangkan kerajaan Kelantan pimpinan PAS sekarang.

"Sebenarnya pengaruh S46 telah mulai merosot apabila setiap hari ramai penyokong parti itu memohon menyertai PAS setelah kecewa dengan tindakan pemimpin mereka," katanya.

Beliau berkata PAS sebenarnya tidak suka langkah perpecahan antara parti itu dan S46 kerana kedua-dua parti itu telah "lama berkawan" melalui Angkatan Perpaduan Ummah yang memerintah Kelantan sejak memenangi pilihan raya umum 1990.

Ketika ditanya mengenai kedudukan empat wakil S46 yang masih menjadi anggota Exco kerajaan negeri, Nik Aziz berkata beliau telah menggunakan segala kuasa yang ada padanya untuk melucutkan kuasa mereka tetapi kuasa memecat tetap terletak kepada Sultan.

Mengenai kedudukan 11 kerusi Anggota Dewan Undangan Negeri (DUN) daripada S46 dalam dewan, beliau berkata perkara itu terserah kepada Speaker Haji Wan Abdul Rahim Wan Abdullah untuk menentukannya.

Sementara itu Setiausaha Akhbar kepada Menteri Besar Wan Ismail Wan Jusoh berkata istana Kelantan perlu menjelaskan cara dan prosedur bagi PAS menyerahkan surat untuk membolehkan Nik Aziz menghadap Sultan bagi mendapatkan perkenan untuk memecat empat anggota S46 dalam Exco kerajaan negeri.

Penjelasan segera itu perlu khususnya daripada Setiausaha Sulit Sultan, Fuad Hassan, bagi membolehkan isu itu diselesaikan.

"Setakat ini tidak kurang daripada tiga pucuk surat telah dihantar kepada Istana Kelantan tetapi kesemua surat itu dikatakan tidak sampai," katanya ketika ditemui di pejabatnya di sini.

Jumaat lepas, Fuad berkata istana tidak ada menerima sebarang surat daripada Nik Aziz untuk memohon menghadap Sultan berhubung perkara itu. Presiden PAS Fadzil Noor sebelum ini berkata PAS telah menghantar surat dua kali tetapi tidak dibalas oleh istana.

Wan Ismail berkata pejabat Menteri Besar sejak sebulan lepas telah mencuba pelbagai cara untuk mengantar surat itu kepada Istana termasuk secara berdaftar dan menghantarnya dengan tangan tetapi semuanya gagal. --
BERNAMA

RAR NMO